

AKOMODASI AKSEN, IDENTITI DAN INTEGRASI KEBANGSAAN¹

Idris Aman

idrisa@ukm.my

Rosniah Mustaffa

rosniah@ukm.my

Mohammad Fadzeli Jaafar

fadzeli@ukm.my

Pusat Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Artikel ini membincangkan akomodasi terhadap aksen standard kebangsaan dalam kalangan informan penutur asli Melayu di dua buah bandar raya di Malaysia, iaitu Kuching dan Kota Bharu. Kuching dipilih berdasarkan kedudukan geografinya yang terpisah dari wilayah pusat negara, iaitu Semenanjung Tanah Melayu, manakala Kota Bharu dipilih berdasarkan ketegaran dialek tempatan penuturnya. Kajian difokuskan pada dua pemboleh ubah fonologi yang signifikan dalam hal aksen bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, iaitu (a) pada akhir kata terbuka, seperti dalam kata *kereta* dan (r) pada kata tertutup, seperti dalam *pasar*. Status akomodasi aksen kebangsaan dilihat bersandarkan pemboleh ubah kelainan gaya bahasa dan bersandarkan dua pemboleh ubah konteks sosial bukan-linguistik, iaitu usia dan jantina informan dalam situasi formal dengan mengambil kira faktor kewilayahan dan kenatipan. Selanjutnya, realiti penggunaan aksen kebangsaan dalam pemboleh ubah tersebut dihubungkan dengan soal integrasi dan identiti – nasional atau tempatan.

Kata kunci: aksen, akomodasi, penutur asli, gaya bahasa, pemboleh ubah fonologi, identiti

Abstract

This article discusses the extent to which native Malay speakers from two cities, Kuching and Kota Bharu, accommodate the national standard accent. Kuching is chosen based on its geographical location, separated as it is from the centre of Malaysian administration in Peninsular Malaysia, while Kota Bharu is chosen based on the nature of the local dialect spoken by its residents. The study focuses on two significant phonological variables, namely open-ended (a), such as in kereta (car) and close-ended (r), such as in pasar (market). The level of accommodation of the national standard accent is examined based on different styles of speech and on two non-linguistic variables, namely age group and gender of the informant, in formal situations taking into account regional and local factors. Furthermore, the level of accommodation of the national standard accent is related to integration and identity issues – nationally or locally.

Keywords: accent, accommodation, native speaker, style of speech, phonological variables, identity

PENDAHULUAN

Bahasa ialah simbol penting bagi kewujudan sesuatu bangsa, malah bahasa juga secara konsisten dilihat sebagai tanda utama identiti sesuatu kelompok masyarakat (lihat Crystal, 1987). Dalam konteks dan konsep “Satu Malaysia”, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi berperanan sebagai salah satu alat integrasi dan simbol identiti rakyat, terutama antara wilayah Semenanjung Tanah Melayu dengan Sabah dan Sarawak yang dipisahkan oleh Laut China Selatan; dan antara penduduk multilingual serta multidialek. Pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang secara langsung berperanan sebagai bahasa integrasi dan identiti kebangsaan termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Sebagai memenuhi fungsi tersebut, bahasa Melayu turut dijadikan bahasa sistem pendidikan dan pentadbiran kerajaan, serta merupakan bahasa perhubungan luas rakyat.

Dasar bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah dilaksanakan pada 1 September 1967 di Tanah Melayu, 1973 di Sabah, dan 1985 di Sarawak (Awang Had, 1993). Sebagai langkah awal, pelaksanaan itu tidak mengambil kira soal sebutan.¹ Setelah lebih lima puluh tahun negara bangsa moden ini wujud, maka kini soal aksen standard kebangsaan wajar diberi perhatian.

Dari segi linguistik, aspek fonologi atau sebutan, pada hakikatnya mempunyai kesignifikanan sosial, khususnya berkaitan integrasi dan identiti sesuatu masyarakat bahasa (Honey, 1997). Dalam kes bahasa Inggeris misalnya, satu bentuk linguistik yang terbukti boleh membayangkan kesignifikanan sosial ialah pemboleh ubah fonologi (r) pada kedudukan selepas vokal, seperti dalam kata *car* dan *fourth*. Dalam konteks ini, ada dua varian (r), sama ada dilafazkan atau tidak. Di Scotland, Ireland, Boston, New York, dan kawasan timur Amerika Syarikat, pelafazan (r) bagi kata sedemikian ialah bentuk sebutan standard prestij dan membayangkan fungsi integrasi dan identiti penutur bahasa Inggeris di kawasan berkenaan (Holmes, 2001). Lebih luas lagi, ada perbezaan sebutan antara penutur bahasa Inggeris Britain, Amerika Syarikat, dan Australia. Misalnya, orang Amerika menyebut [ˈɒf.t̬n] untuk *often* (*Cambridge Advanced Learner's Dictionary*, 2005), manakala British menyebutnya [ɒfn] (*Kamus Dwibahasa*, 2002). Perbezaan sebutan itu menunjukkan identiti negara bangsa masing-masing dan sekali gus membayangkan integrasi nasional rakyat mereka.

Bagi Malaysia, sebutan boleh merupakan alat integrasi dan identiti nasional juga, di samping proses lain, seperti penempatan kakitangan kerajaan, murid dan pelajar di antara kedua-dua wilayah, sumbangan media elektronik kebangsaan, terutama televisyen dan radio, serta faktor peranan pusat pemerintahan dan budaya yang bernadi di Kuala Lumpur. Ciri fonologi penutur bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, dalam kalangan rakyat yang terpisah wilayah, berlainan kaum dan dialek, turut boleh berubah atau disesuaikan jika soal integrasi dan identiti nasional menjadi pertimbangan mereka ketika bertutur dalam situasi formal. Dalam sosiolinguistik, fenomena ini dinamakan *speech accommodation* (akomodasi atau penyesuaian sebutan), iaitu penggunaan sebutan yang sama sebagai cara menunjukkan kesamaan (Holmes, 2001; Downes, 1998; Giles, 1984). Misalnya, menteri persekutuan atau penyanyi dari Sabah dan Sarawak kini didapati menyesuaikan sebutan bahasa Melayu mereka mengikut aksen (*accent*) standard lazim Tanah Melayu yang nasional sifatnya apabila ditemu ramah oleh media elektronik. Ini merupakan petanda awal kesedaran identiti dan integrasi nasional mereka.

Tulisan ini meneliti aksen yang digunakan oleh informan di bandar berpandukan kerangka kajian sosiofonologi, iaitu gabungan sosiolinguistik dan fonologi. Pemboleh ubah fonologi sesuai dalam kajian begini kerana lebih praktis (Milroy, 1987) dan mampu menunjukkan kadar perbezaan linguistik yang ketara (Asmah, 1985; Holmes, 2001). Malah, akomodasi

bahasa lebih banyak berlaku dalam aspek fonologi (Asmah, 2004). Status akomodasi aksen ditafsirkan pertaliannya dengan isu integrasi dan identiti.

AKSEN BAHASA KEBANGSAAN

Aksen standard bahasa Melayu yang dimaksudkan dalam tulisan ini ialah aksen atau telor yang lazim dalam pertuturan formal dalam media rasmi kerajaan (Radio Televisyen Malaysia), jabatan kerajaan, dan institusi pelajaran yang kebangsaan sifatnya. Dalam sociolinguistik, konsep aksen standard dipanggil *received pronunciation* (RP) atau “sebutan yang diterima”. RP juga merujuk aksen yang digunakan golongan berpelajaran dan berkedudukan dalam masyarakat (Asmah, 1985; 2004; Holmes, 2001).

Dalam hal bahasa Melayu Malaysia, dua pemboleh ubah fonologi yang mempunyai kesignifikanan dari segi perbezaan identiti dan berpotensi sebagai fungsi integrasi rakyat ialah (a) pada akhir kata terbuka, seperti dalam *kereta* dan (r) pada akhir kata tertutup, seperti dalam *lebar* (lihat Idris, 1995; Idris et al., 2008). Dalam konteks aksen standard (kebangsaan) bahasa Melayu, pemboleh ubah tersebut masing-masing dilafazkan [kəretə] dan [lebar].³ Sebutan demikian, secara teori, membayangkan identiti kebangsaan Malaysia yang berbeza dengan identiti penutur bahasa Melayu di tempat lain, dan sekali gus memmanifestasikan kesatuan kebangsaan rakyatnya. Dalam penggunaan seharian, pemboleh ubah fonologi di atas mempunyai variasi penyebutan atau aksen yang berasaskan tempatan, kawasan atau kaum. Misalnya, bagi pemboleh ubah (a), ada menuturkan [kəretə] dan (r) ada melafazkan [leba] atau [lebay] (lihat Asmah, 1985).

Kajian ini meneliti penyebutan dua pemboleh ubah fonologi itu, dalam kalangan penutur asli bahasa Melayu di dua bandar raya terpilih, iaitu Kuching dan Kota Bharu.⁴ Pemboleh ubah konteks sosial yang diambil kira ialah faktor keterpisahan wilayah (kewilayahan) dan ketegaran dialek, serta faktor usia dan jantina. Penyebutan dua pemboleh ubah fonologi itu diteliti dalam empat gaya konteks bahasa formal yang dibentuk khas.

TUJUAN

Tujuan artikel ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti profil sebutan /a/ dan /r/ penutur asli Melayu di Kuching dan Kota Bharu dalam empat gaya bahasa formal bersandarkan pemboleh ubah sosial, iaitu jantina dan usia.

2. Merumuskan status akomodasi aksen standard bahasa kebangsaan informan natif di Kuching dan Kota Bharu berdasarkan faktor keterpisahan wilayah dan ketegaran dialek.
3. Merumuskan sama ada identiti nasional atau identiti lokal yang ketara dan kaitannya dengan soal integrasi dalam hal aksen bahasa kebangsaan.

KAEDAH KAJIAN

Kajian sosiofonologi ini menerapkan pendekatan *sociological urban dialectology* (lihat Labov, 1972; Trudgill, 1974; Milroy, 1987; Idris, 1995). Pendekatan ini melibatkan pelafazan dan perakaman bahasa informan bandar secara langsung dengan memfokuskan pemboleh ubah fonologi atau sebutan. Perakaman bahasa dilakukan dalam julat empat konteks gaya bahasa yang direka bentuk khas dengan mempertimbangkan pemboleh ubah konteks sosial, iaitu ketegaran dialek dan kewilayahan berdasarkan faktor jantina dan usia informan.

KAWASAN KAJIAN

Dua bandar raya yang dipilih untuk mendapatkan informan bagi mencapai matlamat kajian ini ialah Kuching, Sarawak dan Kota Bharu, Kelantan. Negeri Sarawak terletak di barat daya pulau Borneo dan dipisahkan dengan Semenanjung Tanah Melayu oleh Laut China Selatan. Dari sudut linguistik, keterpisahan wilayah secara geografi memang mempunyai relevansi dengan soal variasi bahasa. Artikel ini mengupas realiti aksen bahasa kebangsaan Malaysia dalam kalangan penutur asli Melayu Bandar Raya Kuching dalam kerangka keterpisahan wilayah.

Kuching ialah ibu negeri dan juga pusat pentadbiran negeri Sarawak. Bandar raya ini terletak di bahagian selatan negeri. Kuching juga merupakan pusat perniagaan dan kebudayaan orang Melayu Sarawak. Kajian di Kuching dilakukan pada 11 hingga 16 Mei 2007. Informan diperoleh di sekitar bandar raya, seperti di restoran dan kedai di pusat bandar, kawasan rehat tebing Sungai Sarawak, dan di pejabat, seperti di pondok polis, muzium, RTM, dan DBP.

Kota Bharu dipilih atas faktor ketegaran dialek tempatan dalam kalangan masyarakatnya (Mohammad Fadzeli & Idris, 2008). Bandar raya Kota Bharu, Kelantan terletak di utara Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu. Bandar raya ini ialah bandar yang terbesar di Pantai Timur

dan merupakan ibu negeri Kelantan. Masyarakatnya kaya dengan budaya tradisional. Kajian di Kota Bharu dilakukan di antara 31 Mei hingga 5 Jun 2007. Informan diperoleh di dalam bandar, seperti di hotel, sekolah, restoran, kedai runcit, kedai buku, kedai menjual kain dan pejabat kerajaan.

PEMBOLEH UBAH LINGUISTIK

Aksen diteliti melalui dua pemboleh ubah fonologi daripada empat julat gaya bahasa yang dibentuk. Pemboleh ubah fonologi itu ialah (a) pada akhir kata terbuka,⁵ seperti dalam *saya* dan (r) pada akhir kata, seperti dalam *lebar*. Idris *et al.* (2008) mendapati dua pemboleh ubah fonologi Melayu ini merupakan petunjuk linguistik yang baik bagi soal identiti. Aksen pemboleh ubah fonologi tersebut dikategorikan kepada dua variasi, iaitu sama ada aksen standard (S) atau aksen bukan standard (BS). Aksen standard juga boleh dirujuk sebagai aksen kebangsaan, manakala aksen bukan standard sebagai aksen tempatan. Lihat Jadual 1.

Jadual 1 Aksen standard dan bukan standard pemboleh ubah fonologi.

Pemboleh ubah Fonologi	Aksen Standard	Contoh Aksen Bkn Standard
(a) akhir kata; <i>saya</i>	[ə] cth. [sayə]	[saya], [sayə],
(r) akhir kata; <i>lebar</i>	[r] cth. [lebar]	[leba], [lebaɾ]

KONTEKS WACANA

Konteks wacana (berbahasa) dalam kajian ini ialah formal. Formal bermaksud pengkaji dan informan saling tidak mengenali dan pemerolehan data bahasa dilangsungkan dalam konteks tersebut. Data bahasanya ialah rakaman wacana (bahasa pertuturan sebenar) melalui temu bual intensif dalam empat julat gaya bahasa yang direka bentuk khusus. Gaya bahasa tersebut berdarjah keformalan, iaitu:

- (a) gaya membaca daftar kata (GDK) - paling formal;
- (b) gaya membaca petikan (GMP);
- (c) gaya wawancara (GW);
- (d) gaya bercerita (GB) - paling kurang formal.

Gaya daftar kata (GDK) dan gaya membaca petikan (GMP) merupakan “gaya berteks”, manakala gaya wawancara (GW) dan gaya bercerita (GB) merupakan “gaya tanpa teks”. Data bahasa yang diperoleh daripada kajian yang direka bentuk ini akan memberi input tentang variasi penyebutan (aksen) pemboleh ubah fonologi dan juga membekalkan maklumat pemboleh ubah sosial informan melalui soalan-soalan yang dikemukakan.

Bilangan kemunculan pemboleh ubah fonologi bagi GDK dan GMP adalah tetap dan telah dikenal pasti pada perkataan dalam senarai kata atau petikan. Dalam GDK, pemboleh ubah (a) dikenal pasti sebanyak 8 kali dan (r) 8 kali bagi setiap informan. Dalam GMP, (a) dikenal pasti sebanyak 19 kali dan (r) 5 kali. Bagaimanapun, bilangan kemunculan pemboleh ubah fonologi bagi GW dan GB tidak tetap dan tertakluk penggunaannya oleh informan sewaktu berbahasa. Bagi mendapatkan kemunculan penggunaan dua pemboleh ubah tersebut, pengkaji berusaha membentuk soalan wawancara yang boleh mendorong informan berbahasa. Bagi GB, pengkaji berusaha mendorong informan bercerita melalui cungkilan peristiwa lepas, pengalaman, atau pandangannya. Dalam gaya ini, pengkaji hanya menyampuk secara minimum bagi memberi peluang informan bercerita secara lebih bebas. Jadual 3 memperlihatkan frekuensi (*f*) kehadiran dua pemboleh ubah fonologi tersebut dalam empat gaya bahasa.

PEMBOLEH UBAH SOSIAL

Pemboleh ubah sosial yang diperkirakan dalam kajian ini ialah **jantina**, **usia**, **ketegaran dialek**, dan **keterpisahan wilayah**. Usia informan dikelompokkan kepada 1) muda (15-25 tahun), 2) awal dewasa (26-40 tahun), 3) dewasa (41-55 tahun), dan 4) tua (56 tahun ke atas) (wikipedia.org.). Ketegaran dialek merujuk informan di Kota Bharu. Penutur di kawasan ini dikenal pasti sebagai penutur tegar dialek. Keterpisahan wilayah pula bermaksud, dua wilayah terpisah yang membentuk Persekutuan Malaysia, iaitu Semenanjung Tanah Melayu serta Sabah dan Sarawak di Borneo. Dalam kajian ini, Kuching dirujuk sebagai “keterpisahan wilayah” berdasarkan faktor geografi. Dari segi linguistik, keterpisahan wilayah secara semula jadi akan mewujudkan variasi dalam bahasa yang sama. Tetapi faktor kebangsaan boleh membawa kepada akomodasi bahasa.

INFORMAN

Informan kajian ini berjumlah 50 orang. Masing-masing adalah 25 orang penutur asli Melayu di Kuching, Sarawak dan 25 penutur asli Melayu di Kota Bharu, Kelantan. Informan meliputi lelaki dan perempuan, berumur 15 tahun ke atas. Informan terdiri daripada pelbagai status sosioekonomi, seperti pegawai kanan, pegawai pengurusan dan sokongan, polis, guru, peniaga, usahawan, pesara, pelajar kolej dan sekolah, dan pembantu jualan. Profil informan ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Profil informan.

Bandar	Jantina		Kelompok Usia (Tahun)				Jumlah
	L	P	Muda (15-25)	Awal Dewasa (26-40)	Dewasa (41-55)	Tua (56+)	
Kuching	13	12	5	9	9	2	25
Kota Bharu	16	9	4	11	5	5	25

Secara umum, bilangan informan adalah memadai bagi kedua-dua bandar raya kerana yang dipentingkan ialah jumlah kemunculan pemboleh ubah fonologi berkaitan dalam berbahasa. Dalam Jadual 3 ditunjukkan jumlah kemunculan atau penggunaan (a) di Kuching, iaitu 1503 kali (313 + 1190) dan (r) 467 kali (200 + 267). Di Kota Bharu, (a) muncul 1217 kali (702 + 515) dan (r) sebanyak 423 kali (183 + 240) (lihat Jadual 4).

PROSEDUR KAJIAN DAN CERAKINAN DATA

Kajian ini melibatkan perakaman audio pertuturan informan secara langsung dalam empat gaya bahasa yang dibentuk khas. Perakaman atau kajian lapangan dilakukan penulis sendiri. Rakaman kemudian didengar dengan bantuan dua orang pembantu penyelidik berkelulusan sarjana muda (linguistik) yang dilatih bagi mengenal pasti atau mengecam variasi sebutan (aksen) dua pemboleh ubah fonologi, serta kekerapan (*f*) kehadiran setiap pemboleh ubah yang ditetapkan dan mengkodkan data. Selanjutnya, data mentah yang diperoleh dicerakin ke dalam borang cerakinan yang direka khas untuk dianalisis dan dirumuskan.

Maklumat peribadi dan SSE informan juga dimuatkan dalam borang pengkodan. Informan dikategorikan kepada kelompok berasaskan kelompok usia, jantina, kenatipan, dan kewilayahan.

AKOMODASI AKSEN

Berikut dibincangkan status akomodasi aksen standard bahasa Melayu yang dipilih oleh informan berdasarkan konteks keterpisahan wilayah dan ketegaran dialek, mengikut pemboleh ubah gaya bahasa, jantina, dan usia melalui realisasi terhadap pemboleh ubah fonologi (a) dan (r).

AKSEN KEBANGSAAN DAN KETERPISAHAN WILAYAH

Dari segi keterpisahan wilayah, dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa penuturan bahasa Melayu di Kuching masih direalisasikan melalui aksen tempatan atau aksen bukan standard kebangsaan. Ini kerana aksen standard digunakan lebih rendah, iaitu 26 peratus berbanding aksen bukan standard, iaitu 74 peratus (lihat baris “jumlah” lajur “seluruh” Jadual 3). Kerendahan penggunaan aksen standard berlaku bagi kedua-dua pemboleh ubah fonologi, iaitu (a) dan (r). Bagaimanapun, (r) lebih banyak digunakan secara standard berbanding (a). Kekurangan penggunaan variasi standard untuk (a) besar kaitannya dengan ciri fonologi tempatan pemboleh ubah ini yang lazimnya dilafazkan [a] atau mungkin faktor kecelaruan penutur dengan gagasan lampau “sebutan baku” yang pernah diuar-uarkan. Sungguhpun realisasi aksen standard masih rendah tetapi dapatan memberi gambaran potensi yang positif, iaitu 1/5 atau 21 peratus informan telah menggunakan variasi standard untuk (a) dan 43 peratus untuk (r).

Jadual 3 Aksen dan keterpisahan wilayah: Kekekapan dan Peratusan (peratusan ditulis condong).

P. Ubah Fonologi	Aksen	Aksen dan Keterpisahan Wilayah (Kuching)										
		Gaya Wacana / Bahasa				Jantina		Usia				Seluruh
		GDK	GMP	GW	GB	L	P	Muda	A.Dws	Dws	Tua	
(a)	Standard	7 <i>4</i>	6 <i>1</i>	152 <i>31</i>	148 <i>44</i>	153 <i>19</i>	160 <i>23</i>	34 <i>17</i>	152 <i>23</i>	127 <i>23</i>	0 <i>0</i>	313 <i>21</i>
	Bukan Standard	193 <i>96</i>	469 <i>99</i>	336 <i>69</i>	192 <i>56</i>	661 <i>81</i>	526 <i>77</i>	166 <i>83</i>	495 <i>77</i>	423 <i>77</i>	106 <i>100</i>	1190 <i>79</i>
(r)	Standard	98 <i>49</i>	62 <i>50</i>	22 <i>28</i>	18 <i>29</i>	124 <i>46</i>	76 <i>37</i>	18 <i>24</i>	101 <i>54</i>	66 <i>39</i>	15 <i>44</i>	200 <i>43</i>
	Bukan Standard	102 <i>51</i>	63 <i>50</i>	57 <i>72</i>	45 <i>71</i>	142 <i>54</i>	128 <i>63</i>	58 <i>76</i>	86 <i>46</i>	104 <i>61</i>	19 <i>56</i>	267 <i>57</i>
Jumlah	Standard	105 <i>26</i>	68 <i>11</i>	174 <i>31</i>	166 <i>41</i>	277 <i>26</i>	236 <i>27</i>	52 <i>19</i>	253 <i>30</i>	193 <i>27</i>	15 <i>11</i>	513 <i>26</i>
	Bukan Standard	295 <i>74</i>	532 <i>89</i>	393 <i>69</i>	237 <i>59</i>	803 <i>74</i>	654 <i>73</i>	224 <i>81</i>	581 <i>70</i>	527 <i>73</i>	125 <i>89</i>	1457 <i>74</i>

Aksen Kebangsaan, Keterpisahan Wilayah dan Usia

Kajian ini mendapati kedewasaan mempunyai pertalian dengan akomodasi aksen standard kebangsaan. Maksudnya, golongan dewasa (awal dewasa dan dewasa) lebih lentur kepada aksen standard kebangsaan berbanding golongan muda dan tua. Kedua-dua golongan ini berusia antara 26 hingga 55 tahun. Secara purata bagi kedua-dua pemboleh ubah fonologi, golongan awal dewasa melafazkan aksen standard sebanyak 30 peratus, manakala golongan dewasa 27 peratus, sedangkan golongan muda dan tua masing-masing sebanyak 19 peratus dan 11 peratus sahaja. (Rujuk baris “jumlah” lajur “usia” Jadual 3).

Seperti dapatan keseluruhan di atas, pemboleh ubah (r) lebih lentur kepada aksen standard berbanding pemboleh ubah (a). Kelenturan (r) kepada aksen standard itu juga didahului oleh golongan awal dewasa dan dewasa, iaitu dengan 54 peratus dan 39 peratus.

Golongan dewasa yang lebih lentur kepada aksen standard kebangsaan berbanding golongan muda dan tua dapat dikaitkan dengan kedudukan mereka yang telah mengalami pendidikan kebangsaan dan sedang bekerja, maka dengan itu lebih terdedah kepada mobiliti geografi dan interaksi sosial luar lingkungan. Faktor-faktor berkenaan membolehkan mereka fleksibel dan terbuka kepada transformasi, khususnya akomodasi aksen bahasa Melayu mereka.

Aksen Kebangsaan, Keterpisahan Wilayah dan Jantina

Dari sudut keterpisahan wilayah, faktor kejantinaan tidak membezakan tahap akomodasi mereka kepada aksen standard kebangsaan. Lelaki dan perempuan secara keseluruhan dalam kedua-dua pemboleh ubah fonologi menggunakan aksen bukan standard mengatasi aksen standard kebangsaan, iaitu masing-masing 74 peratus dan 73 peratus berbanding 26 peratus dan 27 peratus.

Secara khusus pula, kedua-dua jantina juga didapati kurang berakomodasi kepada aksen standard dalam kedua-dua pemboleh ubah fonologi. Kadar terendah ialah bagi pemboleh ubah (a), iaitu masing-masing 19 peratus dan 23 peratus sahaja. Bagaimanapun, bagi (r) kadarnya agak meningkat, walaupun masih kurang berbanding aksen bukan standard, iaitu 46 peratus dan 37 peratus. Kekurangan penggunaan variasi standard untuk (a) besar kaitannya dengan ciri fonologi tempatan pemboleh ubah ini yang lazimnya dilafazkan [a].

Aksen Kebangsaan, Keterpisahan Wilayah dan Gaya Wacana

Walaupun dalam keempat-empat gaya wacana aksen standard kebangsaan masih kurang diamalkan berbanding aksen bukan standard, kajian ini mendapati kenaturalan gaya wacana mempengaruhi pemilihan aksen. Apabila berwacana secara natural (bersahaja) tanpa teks, informan keterpisahan wilayah cenderung berakomodasi kepada aksen standard kebangsaan. Dalam wacana natural, iaitu gaya wawancara (GW) dan gaya bercerita (GB), informan memanfaatkan aksen standard kebangsaan lebih tinggi, iaitu 31 peratus dan 41 peratus berbanding dalam gaya berteks (GDK dan GMP), iaitu 26 peratus dan 11 peratus sahaja (lihat baris “jumlah” lajur “gaya wacana” Jadual 3). Ini menunjukkan bahawa dalam gaya wacana berteks, penyebutan informan terkekang dan lebih berhati-hati. Tetapi dalam gaya yang lebih bersahaja, penuturan mereka lebih relaks dan alamiah.

Penelitian secara perbandingan pemboleh ubah fonologi pula mendapati walaupun aksen bukan standard digunakan melebihi aksen standard dalam kedua-dua pemboleh ubah bagi keempat-empat gaya wacana, tetapi kelainan standard (r) lebih tinggi dalam GDK dan GMP, iaitu 49 peratus dan 50 peratus berbanding GW dan GB, iaitu 28 peratus dan 29 peratus sahaja. Sebaliknya, bagi (a) aksen standard lebih ketara dalam GW dan GB, iaitu 31 peratus dan 44 peratus berbanding GDK dan GMP, iaitu 4 peratus dan 1 peratus sahaja. Perselisihan peratus antara dua pemboleh ubah fonologi ini sekali lagi dapat dikaitkan dengan faktor peralihan gaya wacana daripada berhati-hati (berteks) kepada bersahaja (tanpa teks), bersekali dengan faktor status “penanda” (*marker*) dan “penunjuk” (*indicator*) masing-masing pemboleh ubah tersebut serta faktor kecelaruan terhadap gagasan lampau “sebutan baku”.

AKSEN KEBANGSAAN DAN KETEGARAN DIALEK

Faktor ketegaran dialek pada keseluruhannya tidak menghalang akomodasi aksen standard kebangsaan. Kajian di Kota Bharu ini mendapati penutur tegar dialek lentur kepada aksen standard kebangsaan melebihi aksen bukan standard, iaitu masing-masing 54 peratus dan 46 peratus (lihat baris “jumlah” lajur “seluruh” Jadual 4). Keadaan ini adalah penanda positif bagi mencapai wawasan identiti dan integrasi nasional melalui bahasa, khususnya aksen.

Bagaimanapun, secara perbandingan, aksen standard kebangsaan lebih ketara direalisasikan melalui pemboleh ubah fonologi (a), iaitu 58 peratus, manakala melalui pemboleh ubah (r) sebanyak 43 peratus (lajur “seluruh” Jadual 4). Dapatan ini sekali lagi memperkukuh tanggapan

bahawa pemboleh ubah (a) ialah pemboleh ubah fonologi yang baik atau tepat sebagai penanda status sosial bagi bahasa Melayu dan tidak sukar diakomodasikan sebutannya mengikut situasi. Dalam dialek ini, fonem ini ialah vokal belakang separuh luar /ɔ/, oleh itu, tidak sukar untuk diakomodasikan kepada bunyi yang hampir, iaitu vokal tengah (*schwa*) /ə/.

Jadual 4 Aksan dan Ketegaran Dialek: Kekekapan dan Peratusan (peratusan ditulis condong).

P. Ubah Fonologi	Aksan	Aksan dan Ketegaran Dialek (Kota Bharu)										Seluruh
		Gaya Wacana / Bahasa				Jantina		Usia				
		GDK	GMP	GW	GB	L	P	Muda	A.Dws	Dws	Tua	
(a)	Standard	126 <i>63</i>	298 <i>63</i>	153 <i>53</i>	125 <i>52</i>	358 <i>44</i>	344 <i>83</i>	130 <i>74</i>	286 <i>54</i>	154 <i>59</i>	132 <i>52</i>	702 <i>58</i>
	Bukan Standard	74 <i>37</i>	177 <i>37</i>	150 <i>47</i>	114 <i>48</i>	447 <i>56</i>	68 <i>17</i>	45 <i>26</i>	243 <i>46</i>	107 <i>41</i>	120 <i>48</i>	515 <i>42</i>
(r)	Standard	103 <i>52</i>	64 <i>51</i>	12 <i>21</i>	4 <i>10</i>	118 <i>42</i>	65 <i>47</i>	13 <i>20</i>	83 <i>46</i>	47 <i>53</i>	40 <i>45</i>	183 <i>43</i>
	Bukan Standard	97 <i>48</i>	61 <i>49</i>	45 <i>79</i>	37 <i>90</i>	166 <i>58</i>	74 <i>53</i>	53 <i>80</i>	97 <i>54</i>	42 <i>47</i>	48 <i>55</i>	240 <i>57</i>
Jumlah	Standard	229 <i>57</i>	362 <i>60</i>	165 <i>46</i>	129 <i>46</i>	476 <i>44</i>	409 <i>74</i>	143 <i>60</i>	369 <i>52</i>	201 <i>58</i>	172 <i>51</i>	885 <i>54</i>
	Bukan Standard	171 <i>43</i>	238 <i>40</i>	195 <i>54</i>	151 <i>54</i>	613 <i>56</i>	142 <i>26</i>	98 <i>40</i>	340 <i>48</i>	149 <i>42</i>	168 <i>49</i>	755 <i>46</i>

Aksan Kebangsaan, Ketegaran Dialek dan Usia

Dari segi usia, informan muda penutur tegar dialek lebih lentur kepada aksan standard kebangsaan berbanding informan tua. Secara keseluruhan, penutur muda (usia 15–25 tahun) menggunakan aksan standard kebangsaan sebanyak 60 peratus, manakala penutur tua sebanyak 51 peratus. Penutur kategori dewasa juga menggunakan aksan standard kebangsaan agak tinggi, iaitu 58 peratus (baris “jumlah” lajur “seluruh” Jadual 4).

Secara lebih khusus, didapati kecenderungan kepada aksan standard kebangsaan berasaskan usia lebih ketara berlaku bagi pemboleh ubah fonologi (a) dengan kadar antara 52–74 peratus, berbanding (r) antara 20–53 peratus sahaja. Bagi (a), sekali lagi didapati informan muda lebih berupaya berakomodasi kepada aksan standard kebangsaan dengan kadar tertinggi 74 peratus. Ini menunjukkan bahawa generasi muda penutur tegar dialek bersedia menyesuaikan aksan dalam konteks rasmi. Kesediaan berakomodasi itu ada kaitannya dengan kerapatan titik artikulasi pemboleh

ubah (a) bagi aksen dialek ini dengan aksen standard, iaitu [ɔ] dan [ə] yang masing-masing berada di belakang dan tengah.

Aksen Kebangsaan, Ketegaran Dialek dan Jantina

Dari segi jantina pula, didapati informan perempuan penutur tegar dialek lebih cenderung berakomodasi dengan aksen standard kebangsaan berbanding lelaki. Ini terbukti apabila secara keseluruhan informan perempuan menggunakan aksen standard pada nilai 74 peratus, berbanding lelaki pada nilai 44 peratus sahaja (baris “jumlah” lajur “seluruh” Jadual 4). Ini juga bermakna, walaupun lelaki tegar dialek cenderung kepada aksen bukan standard, tetapi kadar penggunaan aksen standard mereka memperlihatkan perubahan bahasa sedang berlangsung.

Jika merujuk kepada pemboleh ubah fonologi secara khusus, didapati informan perempuan ketara menggunakan aksen standard kebangsaan untuk (a), iaitu pada nilai 83 peratus, berbanding lelaki hanya 44 peratus. Tetapi bagi pemboleh ubah fonologi (r), didapati kadar penggunaan aksen standard antara kedua-dua jantina agak seimbang, iaitu 42 peratus dan 47 peratus.

Perselisihan penggunaan aksen standard antara informan lelaki dan perempuan penutur tegar dialek secara sederhana dapat dikaitkan dengan faktor “keprihatinan prestij”. Perempuan juga lebih fleksibel kepada aksen standard kebangsaan untuk pemboleh ubah (a) kerana mereka prihatin akan soal prestij yang dibawanya. Dalam bahasa Melayu standard Malaysia, pemboleh ubah (a) merupakan “penanda” (*marker*) prestij sosial berbanding pemboleh ubah (r) yang hanya bertaraf “penunjuk” (*indicator*) (lihat Chambers & Trudgill, 1980; Idris *et al.*, 2008).

Aksen Kebangsaan, Ketegaran Dialek dan Gaya Wacana


Secara keseluruhan didapati, dalam kalangan penutur tegar dialek, keformalan gaya wacana atau bahasa mempunyai hubungan dengan akomodasi aksen. Maksudnya, aksen standard kebangsaan lebih ketara digunakan dalam dua gaya berteks GDK dan GMP, iaitu 57 peratus dan 60 peratus, berbanding dalam gaya natural tanpa teks GW dan GB masing-masing sebanyak 46 peratus. Ini menunjukkan bahawa informan lebih berhati-hati dalam sebutan apabila membaca teks berbanding apabila berbicara secara natural. Pun begitu, kadar penggunaan dalam kesemua

gaya membayangkan peralihan kepada aksen standard dalam konteks formal sedang berlangsung.

Bagi pemboleh ubah (a), aksen standard kebangsaan lebih banyak digunakan dalam keempat-empat gaya wacana atau bahasa, dengan penggunaan dalam gaya berteks masing-masing 63 peratus mengatasi gaya tanpa teks masing-masing 53 peratus dan 52 peratus. Aksen standard kebangsaan pemboleh ubah (r) juga lebih banyak digunakan dalam gaya berteks, iaitu masing-masing 52 peratus dan 51 peratus, berbanding gaya tanpa teks. Ini sekali lagi membuktikan bahawa gaya berteks membantu dalam proses akomodasi aksen standard kebangsaan serta pada masa yang sama, pemboleh ubah (a) merupakan penanda sosial yang baik bagi bahasa Melayu Malaysia.

KESIMPULAN

Akomodasi dan penggunaan aksen standard kebangsaan belum meluas. Dari segi linguistik, keadaan ini dapat dikatakan sebagai perubahan bahasa masih sedang berlangsung. Di wilayah yang terpisah dari pusat aksen standard kebangsaan perubahan agak perlahan, tetapi di wilayah yang sama walaupun tegar dialek, akomodasinya agak ketara. Secara perbandingan, ini dapat ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Aksen standard: Antara keterpisahan wilayah dan ketegaran dialek.

Dalam soal aksen, keterpisahan wilayah nampaknya menyebabkan identiti dan integrasi tempatan lebih terserlah berbanding identiti dan integrasi kebangsaan, walaupun aksen diuji melalui empat gaya bahasa

atau wacana yang berdarjah keformalannya. Akibat keterpisahan wilayah juga, pemboleh ubah fonologi (r) lebih mudah diakomodasikan dalam aksen standard kebangsaan berbanding (a) yang mempunyai ciri fonologi tempatan yang berbeza. Kenyataan ini benar bagi kategori usia dan jantina. Sungguhpun begitu, penutur dewasa telah memperlihatkan lebih cenderung kepada identiti dan integrasi kebangsaan berbanding penutur muda dan tua.

Sebaliknya, faktor ketegaran dialek dalam wilayah pusat yang sama tidak menjejaskan proses pembinaan identiti dan integrasi kebangsaan melalui aksen. Kecenderungan pembinaan identiti dan integrasi kebangsaan melalui aksen ini didapati berlaku pada semua tahap usia dan jantina penutur tegar dialek, dengan keketaraan dalam kalangan informan perempuan, dalam gaya formal berteks, dan pemboleh ubah fonologi (a). Berdasarkan dapatan dan perbincangan di atas, nyata gagasan Satu Malaysia sedang berlangsung dengan giatnya.

NOTA

- 1 Artikel ini dijana daripada dana projek penyelidikan Kementerian Pengajian Tinggi UKM-SK-04-FRGS0015-2006 telah dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-V (2009) anjuran UPM, DBP, dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia pada 17-18 November di Kuala Lumpur. Penambahbaikan telah dilakukan di sana sini.
- 2 Pada 1987 dasar sebutan berasaskan ejaan atau “sebutan baku” dilaksanakan di sekolah oleh pihak Kementerian Pelajaran dan di stesen penyiaran. Tetapi kerana asas sebutan baku yang dipreskripsi itu agak bertentangan dengan kelaziman sebutan penutur bahasa Melayu, maka dasar itu tidak berjaya dan penggunaannya di stesen televisyen dan radio ditarik balik.
- 3 Berdasarkan Asmah (1985:139), telah ada kecenderungan “r” di akhir kata diucapkan sebagai tamparan dalam kalangan pembaca berita RTM. Sewaktu kajian ini berlangsung, pengkaji dalam pengamatannya terhadap beberapa pembaca berita TV1 (RTM) dan TV3 mendapati kebenaran tentang tulisan Asmah (1985) itu. Kata-kata yang berakhir dengan “r” lebih ketara dan agak konsisten digetarkan, tetapi tidaklah dengan getaran yang berlebihan. Lihat juga Idris (2005:117-18)
- 4 Penduduk bandar dipilih kerana mereka merupakan golongan awal menerima perubahan sebagai kesan pambandaran itu sendiri. Selain itu, penduduk bandar negara ini telah meningkat kepada 65 peratus. Angka ini berasaskan statistik Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang menyatakan penduduk luar bandar pada 2005 ialah 35 peratus (*Mingguan Malaysia*, 25 Mac 2007). Dengan demikian, wajarlah penduduk bandar menjadi tumpuan kajian ini supaya aksen bahasa kebangsaan golongan dinamik ini dapat diperihalkan.
- 5 Tidak termasuk kata-kata yang lazimnya disebut [a], seperti *bola*, *mahasiswa*, dan seumpamanya.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1977. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2004. *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh, 1993. *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cambridge Advanced Learner's Dictionary*, 2005. Edisi Kedua. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chambers, J.K. dan Trudgill, P., 1980. *Dialectology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Crystal, D., 1987. *Cambridge Encyclopedia of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Downes, W., 1998. *Language and Society*. Edisi Kedua. Cambridge: Cambridge University Press.
- Giles, H., 1984. "The Dynamics of Speech Accommodation" dlm. *International Journal of the Sociology of Language* 46. 1
- Holmes, J., 2001. *An Introduction to Sociolinguistics*. Edisi Kedua. Essex: Longman.
- Honey, J., 1997. "Sociophonology" dlm. Florian Coulmas. (ed.) *The Handbook of Sociolinguistics*. Malden, Massachusetts: Blackwell. hlm. 92-106.
- Idris Aman & Rosniah Mustaffa, 2009. "Social Variation of Malay Language in Kuching, Sarawak, Malaysia: A Study on Accent, Identity, and Integration" dlm. *GEMA Online Journal of Language Studies* Jilid 9(1): 63-75. <http://pkukmweb.ukm.my/~ppbl/Gema/gemahome.html>.
- Idris Aman *et al.*, 2008. "Aksen Kebangsaan Bahasa Melayu: Realiti, Identiti, dan Integrasi". Kertas Simposium Aksen Bahasa Kebangsaan: Realiti, Identiti, dan Integrasi. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi. 24 November.
- Idris Aman, 1995. "*Kelainan Sosial Bahasa Melayu di Shah Alam: Satu Dialektologi Sosial Bandar*". Tesis Sarjana Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman, 2005. "Jalinan pemboleh ubah linguistik dan sosial dalam bahasa Melayu" dlm. Idris Aman dan Mohammad Fadzeli Jaafar (ed.) *Teori dan Penyelidikan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 104-19.

AKOMODASI AKSEN, IDENTITI DAN INTEGRASI KEBANGSAAN

- Kamus Dwibahasa: Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*, 2002. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Labov, W., 1972. *Sociolinguistic Patterns*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Milroy, L., 1987. *Observing and Analyzing Natural Language: A Critical Account of Sociological Method*. Oxford: Basil Blackwell.
- Mingguan Malaysia, 25 Mac 2007.
- Mohammad Fadzeli Jaafar dan Idris Aman, 2008. “Aksen Bahasa Kebangsaan Penutur Melayu Tegar Dialek”. Kertas kerja Simposium Aksen Bahasa Kebangsaan: Realiti, Identiti, dan Integrasi. 24 November. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Montgomery, M., 1995. *An Introduction to Language and Society*. London and New York: Routledge.
- Spolsky, B., 1998. *Sociolinguistics*. Oxford: Oxford University Press.
- Trudgill, P., 1974. *The Social Differentiation of English in Norwich*. Cambridge: Cambridge University Press.